

Fenomena El Nino sejak April lepas tingkatan suhu, kurangkan jumlah taburan hujan

Malaysia terselamat banjir ekstrem

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA,
MUHAMMAD AYMAN GHAFHA, IKHWAN IDERIS
dan MOHD. RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR - Fenomena El Nino yang membawa maksud 'Budak Lelaki Kecil' yang melanda negara sejak April lepas berjaya menyelamatkan Malaysia terutamanya negeri-negeri Pantai Timur daripada mengalami banjir ekstrem, tidak seperti apa yang terjadi pada tahun lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail (**gambar kecil**) berkata, keadaan 'kering' Pantai Timur sudah dijangka ekoran fenomena El Nino kuat yang meningkatkan suhu dan mengurangkan jumlah taburan hujan.



CHE GAYAH


"Kita sudah menjangka keadaan banjir pada tahun ini tidak ekstrem seperti tahun lalu kerana fenomena El Nino yang kuat boleh meningkatkan suhu antara 0.5 hingga 2 darjah Celsius.

"Disebabkan fenomena itu juga, pada tahun ini kita meramalkan hanya tiga luran monsun (angin sejuk) akan datang dan sehingga kini kita sudah mengalami sekali sahaja iaitu pada bulan lalu.

"Dijangkakan satu lagi luran angin sejuk akan datang dalam tempoh dua hingga tiga hari lagi," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata, luran monsun kali ini dijangka tidak membawa banjir buruk seperti tahun lalu.

Pada tahun lepas, banjir besar sudah



SEKADAR KENANGAN... kejadian banjir buruk terutamanya di Pantai Timur diramalkan tidak berulang pada tahun ini ekoran fenomena El Nino yang meningkatkan suhu dan mengurangkan jumlah taburan hujan.



KERATAN *Kosmo!* 24 Disember 2014.



mula berlaku di negeri-negeri Pantai Timur sejak penghujung November dengan kemuncaknya pada 24 Disember

2014 apabila hampir kebanyakan kawasan di Kelantan, Terengganu dan Pahang ditenggelami air.

Banjir pada tahun 2014 adalah yang terburuk dalam sejarah banjir di Malaysia dengan lebih 200,000 orang dipindahkan.

Namun begitu, kata Che Gayah, akibat hujan lebat situasi banjir kecil dijangka tetap berlaku di beberapa lokasi antaranya di Johor.

Sehingga semalam hanya beberapa lokasi di Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak dan Sabah dilanda banjir setempat dengan jumlah mangsa yang dipindahkan sekitar 300 hingga 500 orang.

Jabatan Meteorologi Malaysia juga telah mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat kuning di Terengganu, Pahang, Johor dan bahagian barat Sarawak bermula 16 hingga 18 Disember ini.

Dalam pada itu, Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, Taufan Melor yang kini mendekati tengah Filipina diramalkan akan memberi kesan di Sabah, khususnya di Kudat dan pantai barat negeri itu.

INFO Sejarah Banjir Di Malaysia

2010 - Kira-kira 50,000 penduduk di sekitar Kedah dan Perlis dipindahkan ke pusat pemindahan banjir selepas negeri-negeri tersebut ditenggelami pada November 2010. Kejadian banjir besar itu turut meragut empat nyawa. Selain itu, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) turut ditutup ekoran air banjir melimpah ke atas jalan.

2011 - Kelantan merupakan negeri yang paling teruk terjejas akibat banjir pada tahun 2011 apabila kira-kira 1,247 orang daripada 347 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan.

2012 - Seramai 2,872 mangsa dari tiga buah negeri di pantai timur meliputi Kelantan, Terengganu dan Pahang telah dipindahkan selepas kediaman mereka dinaiki air. Selain itu, di Kota Bharu, kira-kira 2,000 pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota tidak dapat meneruskan aktiviti pembelajaran ekoran kawasan kampus dinaiki air kira-kira satu meter.

2013 - Sejumlah 16,837 orang dari tiga buah negeri meliputi Terengganu, Pahang dan Johor telah dipindahkan ekoran banjir disebabkan hujan yang turun tanpa henti untuk tempoh beberapa hari.

2014 - Banjir pada tahun 2014 disifatkan sebagai banjir yang terburuk dalam sejarah negara. Lebih 200,000 orang mangsa dipindahkan di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Banjir besar turut melanda Perak. Jumlah kerugian dianggarkan melebihi RM1 bilion.

INFO Fenomena El Nino

● El Nino ialah fenomena pemanasan suhu permukaan laut di timur Lautan Pasifik yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut.

● El Nino dalam bahasa Sepanyol bermakna Budak Lelaki Kecil.

● Sistem putaran keadaan panas El Nino biasanya berlaku setiap tiga hingga empat tahun.